

16/11/1998

Sikap Albright keterlaluan

KUALA LUMPUR, Ahad - Rakyat Malaysia tersinggung dengan tindakan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Madeleine Albright, mempertikaikan sistem keadilan negara dan menemui isteri bekas Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata tindakan Albright itu keterlaluan dan tidak wajar kerana ia adalah masalah dalaman negara.

"Kita tidak menghalang beliau menemui Azizah tetapi tindakannya menilai keadilan sistem kehakiman negara, amat mendukacitakan.

"Beliau mahupun pemimpin lain tidak mempunyai hak untuk menilai apa yang kita lakukan, termasuk sistem kehakiman negara ini. Apa yang berlaku ini adalah masalah negara dan jika beliau, mahupun mana-mana pemimpin negara luar mempunyai pandangan berhubung masalah di negara ini, simpan pandangan mereka pada diri sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan sidang akhbar bersama menteri forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), yang turut dihadiri menteri luar negara anggota Apec.

Mengenai kemungkinan perbuatan Albright itu disebabkan beliau tidak berpuas hati dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau berkata:

"Saya tidak tahu. Tetapi, kita tidak kisah sama ada dia suka atau tidak kerana dia tidak layak mengundi di sini. Oleh itu, beliau tidak layak untuk menyatakan sama ada dia suka pemimpin kita atau tak.

"Kalau rakyat negara ini yang berbuat demikian, itu kita ambil berat dan terima kerana itu sememangnya hak rakyat," katanya.

Terdahulu, dalam sidang akhbar bersama, Rafidah menjelaskan bahawa perbicaraan Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang menghadapi tuduhan rasuah dan salah laku seks, dijalankan secara adil.

Malah, katanya, semua rakyat Malaysia atau asing diberi perbicaraan adil dan sesiapa pun tidak perlu kluatir mengenai sistem kehakiman di negara ini.

"Saya memberi jaminan kepada Albright beliau boleh tidur nyenyak malam ini kerana Anwar sudah pasti menerima perbicaraan yang adil.

"Malah, perbicaraan Anwar dilaporkan secara mendalam dalam bentuk soal jawab oleh akhbar setiap hari," katanya ketika mengulas pertemuan Albright dengan isteri Azizah hari ini.

(END)